

# Pindaan perlembagaan boleh perkukuhkan Umno

BH 1 OCT 2000

**S**EBELUM bercakap lebih lanjut berhubung pindaan perlembagaan, daripada pemerhatian Tan Sri, bagaimana gambaran keseluruhan mengenai kedudukan Umno dan tanggapan masyarakat mengenai parti?

Saya sudah pergi banyak negeri dan saya jumpa ramai orang. Saya banyak bercakap mengenai perpaduan Melayu, masalah Melayu. Ini kerana saya rasa kadang-kadang gerun, cemas dan tentu sekali bimbang. Kita tidak pasti (kedudukan) kita hari ini. Kita dapat rasa pergerakan di bawah (akar umbi) ambil sikap tidak mengendahkan Umno atau tidak seronok dengan Umno. Malah ada gerakan menentang. Tentulah sekali mungkin ia ditonjolkan oleh orang luar seperti parti pembangkang.

Pada masa sama, kita diselaputi isu-isu, tohmahar pimpinan dan fitnah-memfitnah. Mahu tidak mahu, kita terpaksa menerima hakikat orang Melayu dalam keadaan goyah. Sedangkan kita tahu terasnya mestilah Umno. Kekuatan Melayu berpaut pada satu pertubuhan yang kuat seperti Umno. Jadi, saya rasa isu seperti ini cukup berat, malahan kritikal umpamanya boleh saya katakan seperti telur di hujung tanduk.

## Bagaimana untuk mengatasi?

Sebab itu kalau saya berucap, saya tidak sentuh sangat Umno sebagai parti bersih saja. Saya mesti perluaskan kepada perspektif orang Melayu sendiri. Kita bicara soal bangsa, bukan soal puak kita dalam Umno. Walaupun kaitan itu mesti ada, hendak mempertahankan kepentingan bangsa, kita mestilah menguatkan jemaah kita. Jemaah mana satu yang kita ada sekarang? Yang ini atau yang itu. Kenapa pula jemaah ini berbalah-balah pula. Jadi, keadaan bertambah berserabut dengan diputarbelitkan oleh Pas. Ini yang kita mesti perbetulkan. Ini satu isu yang cukup mencabar. Apa lagi soal kelemahan semangat orang Melayu. Saya lihat kehadiran di majlis penerangan semakin susut. Saya berpendapat, pendekatan kita sudah tidak sesuai. Waktu mana sentimen orang ramai terhadap Umno negatif, kita anjurkan ceramah umum anjuran Umno bahagian, misalnya. Apabila lihat nama Umno, orang sudah tidak mahu (hadir). Jadi, kita perlu ubah keadaan ini tanpa membawa nama Umno. Jadi, maknanya kena ubah cara untuk sampaikan mesej.

## Jadi pada pandangan Tan Sri apa cara yang paling konkrit untuk menarik semula penyertaan dan minat rakyat terhadap Umno?

Mahu tidak mahu kita mungkin boleh mengguna pendekatan seperti MCA. Mungkin tidak seronok kalau kita mahu membanding antara Umno dengan parti kaum lain. Tapi lihat mereka. Dengan menonjolkan isu Ecstasy, Projek Langkawi, Kolej Tunku Abdul Rahman, program khidmat masyarakat, dengan pemimpinnya menyanyi karaoke untuk mengutip tabung derma. Jadi di sini terbit persoalan, apa pula program Umno? Adakah selama ini kita sudah berpaut kuat pada kerajaan sehingga kerajaan lebih ke depan, sebaliknya Umno ke belakang. Atau adakah ini menyebabkan rakyat sudah

tidak nampak perjuangan Umno lagi.

Oleh itu, untuk menonjolkan Umno di depan, Umno mesti mengolah program dan projek. Tunjukkan kepada orang Melayu bahawa kita (Umno) bukan berjuang soal politik saja, tapi kita turun ke bawah menjalankan khidmat masyarakat, mengadakan program membantu fakir miskin, maknanya kita kena buat orang Umno sentiasa sibuk.

## Berbalik mengenai pindaan perlembagaan, boleh Tan Sri jelaskan peranan Tan Sri sebagai pengerusi jawatankuasa ini dan langkah awal yang sudah dibuat?

Pertama, sebagai pengerusi jawatankuasa ini, saya sudah meminta semua pihak untuk mengemukakan apa-apa cadangan sejak pertengahan Ogos lalu. Saya sudah menghantar semua surat kepada ketua bahagian, ketua perhubungan mengenai keputusan Majlis Tertinggi (MT) berhubung pindaan ini. Saya juga meminta ketua perhubungan Umno negeri menubuhkan jawatankuasa di peringkat negeri masing-masing. Jadi, ketua perhubungan sudahpun melantik semua pengerusi dan kita beri tempoh selama kira-kira sebulan setengah. Saya juga sudah mengumumkan bahawa kita akan menutup tarikh penerimaan cadangan 6 Oktober ini.

## Mengapa tempohnya agak suntuk kerana ini membabitkan soal dasar, iaitu meminda perlembagaan?

Tempoh masa itu mungkin agak terhad, jadi dalam tempoh ini saya sudahpun mengadakan empat kali mesyuarat di peringkat jawatankuasa yang saya pergunakan untuk menentukan gerak kerja kita serta mendapatkan sedikit input daripada Presiden parti (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad). Saya juga sudah berjumpa dengan Timbalan Presiden (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan parti. Jadi, kalau ikut jadual kita, selepas 6 Oktober, saya akan siapkan rangka pertama dalam masa seminggu itu.

Daripada dua tiga perhubungan yang saya sudah jumpa, cadangan mereka hampir serupa, membabitkan perkara pokok. Jadi, apa yang saya lihat, ada hasrat yang hampir sama. Jadi menjelang pertengahan Oktober, saya yakin dapat menyiapkan rangka pertama dan selepas itu saya akan membawanya ke peringkat jawatankuasa pengurusan, kepada presiden sebelum dihalusi lagi dalam Majlis Tertinggi (MT).

## Boleh Tan Sri memberi beberapa cadangan yang telah dikemukakan?

Cadangan-cadangan itu saya rasa tidak perlulah saya sebutkan dulu, tapi ia menyentuh soal-soal pokok. Cuma apabila saya berjumpa, ada yang mengemukakan cadangan pindaan yang tidak terperinci. Kita mahu pinda perlembagaan. Kalau boleh sudah pinda sekali, tidak perlu dipinda selalu. Kalau kita tidak mendedahkan implikasi tentang pindaan kerana kita fikir sesuai dengan keadaan sekarang, tetapi selepas setahun dua, kita nak rombak balik. Ini seolah-olah perlembagaan kita longgar. Saya tidak mahu memberi gambaran seperti itu.

Kalaupun boleh dipinda sesuai dengan keadaan masa ini sedikit-tidak-tidakanya ia 'must be

**SEKALI** lagi, Umno membuat pindaan perlembagaan selepas kali terakhir, dua tahun lalu. Sebagai parti terbesar dengan kekuatan 2 juta ahli serta usianya yang menjangkau 54 tahun, proses ini diang tidak mengejutkan. Bagaimanapun, ramai yang mengandaikan pindaan Perlembagaan kali ini membabitkan pembaharuan besar, termasuk proses pemilihan pimpinan tertinggi parti untuk menjadikan Umno 'terbuka' dan mengajak semula orang Melayu tertarik dengan Umno. **Wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR dan ZAINUDIN ISA, menemu bual Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan Umno, pejabatnya kelmarin, bagi menyorot pelbagai isu berkaitan pindaan berkenaan.**

tested by time' (diuji dengan masa). Kalau berubah tidak berapa 'confident' (meyakinkan), tidak bersungguh-sungguh, jadi saya minta kalau ada usul, kita perlu kaji dari segi sudut positif dan negatifnya. Misalnya, soal sistem pemilihan, ada pro dan kontranya. Tapi ada yang umum itu yang memang setuju untuk menyelaraskan tarikh yang sama di antara mesyuarat cawangan dan bahagian. Cuma mekanisme hendak menyelaraskan itu, MT akan ditetapkan.

## Adakah kelemahan parti sekarang semuanya berkaitan dengan peraturan yang termaktub dalam perlembagaan?

Bukan semua kelemahan itu disebabkan peruntukan dalam perlembagaan. Ataupun, adakah kelemahan disebabkan sistem dalam parti sekarang. Kadang-kadang kelemahan itu disebabkan sikap, amalan dan budaya politik kita. Jadi, kalau kita betulkan perlembagaan pun, ia tidak memperbaiki keadaan.

Ada juga sesetengah aspek kelemahan membabitkan soal kejiwaan, iaitu membabitkan orang Umno sendiri. Oleh itu, kita minta sebelum apa-apa cadangan dikemukakan, biar ada rasionalnya. Dulu apa masalah yang kita hadapi, analisis dulu keadaan. Di sudut apakah kita ada kelemahan.

## Jadi, apa tujuan sebenarnya meminda perlembagaan?

Tujuan kita pertama untuk menguatkan Umno. Itu soal pokok. Tentu semua yang cadang perkara itu, begitulah tujuannya. Tapi, kita kena kaji lebih mendalam, betulkah menguatkan ataupun kalau tidak diteliti, ia sebaliknya melemahkan pula.

Kedua, untuk mengukuhkan sistem demokrasi yang menjadi prinsip dan amalan dalam parti selama ini. Kalau ada tanggapan sesetengah pihak Umno kurang demokratik kerana aturan dan peraturan ketat, termasuk pelbagai syarat dan prasyarat, kita kena kaji sama ada wajar atau tidak. Kalau difikir sesuai tujuan meminda untuk lebih demokratik, mereka boleh cadang apa-apa pindaan. Tujuan ketiganya untuk meningkatkan keyakinan orang Melayu dalam Umno.

Umpamanya, apabila dilihat Umno, mereka mempersoalkan mengenai keahlian. Jadi, bagaimana untuk mempermudah proses penerimaan keahlian supaya jangan ada sekatan

dan halangan oleh sebab tertentu. Atau adakah ada pihak menggunakan sistem untuk menyekat dan menghalang. Sekarang ini ada berperingkat-peringkat untuk mendapatkan ahli. Jadi, ada orang yang menggunakan proses itu untuk menghalang seseorang. Oleh itu, orang tidak melihat Umno terbuka dari segi keahlian.

**Apakah selama ini proses penerimaan ahli sengaja dipersulitkan dan bagaimana cara untuk mengatasinya?**

Saya berpendapat mungkin satu prinsip penting yang kita perlu tegaskan ialah Umno adalah parti untuk orang Melayu. Maknanya, dari segi semangatnya, setiap orang Melayu yang ada minat menjadi ahli Umno, seharusnya tidak ada sekatan dan halangan.

Syaratnya, dia memenuhi syarat biasa. Maknanya, kalau tidak ada sekatan dari segi undang-undang, prinsipnya kalau seseorang mahu menjadi ahli Umno, sepatutnya dia terus diterima. Misalnya, kalau saya hari ini belum jadi, saya mohon kepada cawangan dan cawangan menerimanya.

**Sejauh mana seriusnya masalah untuk menjadi ahli Umno ini?**

Tidaklah serius sangat, tapi dalam keadaan-keadaan tertentu mungkin serius kerana ada pihak yang bersungguh-sungguh dan berminat, bersedia berkorban untuk membantu orang Melayu dan Umno, tapi oleh kerana muslihat pimpinan tertentu dari cawangan hingga bahagian, dia tidak setuju sebab ada persaingan, takut orang lawan dia, takut ancaman dan cabaran baginya, maka dia gunakan peraturan yang ada untuk menyekat.

Peraturan sekarang ialah seseorang itu permohonan kepada cawangan, tapi itu belum tentu boleh jadi ahli lagi. Kemudian dibawa ke bahagian sebelum kelulusan MT. Ada pula yang guna proses ini sehingga permohonan seseorang itu ditahan atau diperap di cawangan lagi.

Jadi, tindakan ini menyebabkan orang luar akan tawar hati untuk berjuang dalam Umno. Jadi, kita kena kaji dalam perlembagaan supaya proses penerimaan itu dipermudah dan dipercepatkan. Apakah kemungkinan kuasa di peringkat MT itu diturunkan ke bawah sedikit, kalau tidak ke bahagian, ke cawangan.

**Tapi mungkin ada pihak yang menyalahgunakan kuasa pula?**

Kalau dikatakan setiap orang Melayu layak atau berhak menjadi ahli Umno, seharusnya mereka diterima keahlian parti. Jika cawangan mempunyai kuasa, cawangan boleh terus menerima keahlian seseorang itu. Oleh itu tiada sebab seseorang itu ditolak keahlian mereka kerana cawangan sudah ada kuasa. Kalau dia tidak terima, mungkin ketua bahagian atau perhubungan boleh panggil ketua cawangan berke-naan.

Kita fikir lebih mudah lebih baik, lebih ramai yang menjadi ahli, lebih bagus. Apa lagi, dalam waktu sekarang ini ketika Umno tercabar, orang rasa tawar hati, kurang berminat jadi saya rasa usaha mesti dibuat untuk membuka seluas-luas pintu Umno supaya tidak ada saringan dan jaringan yang begitu banyak sehingga tidak ada ruang untuk dimasuki.

**Berbalik kepada soal pindaan. Setakat ini, bagaimana persepsi orang Umno terhadap pindaan ini? Adakah mereka sekadar membuat cadangan saja?**

Tidak juga. Maksud terperinci itu, sebab apabila dicadang di peringkat bawah itu, kita minta diteliti lebih halus lagi. Mungkin niatnya bagus. Kadang-kadang satu bab dalam pasal itu ada kaitan dengan pasal lain. Ataupun, kita tidak terperinci dengan sistem itu.

**Bagaimana prosesnya. Adakah mereka yang mencadangkan pindaan mempunyai peluang untuk berhujah?**

Apabila saya menerima cadangan, kita akan tanya kenapa mereka cadangkan begitu. Kenapa tidak begini. Jadi, ada peluang untuk berinteraksi. Kalau dia tidak boleh pertahankan alasan atau sebabnya, mungkin dia melihat satu sudut saja, jadi saya fikir mereka perlu melihat sesuatu isu atau cadangan pindaan dalam skop yang meluas.

**Mungkin masih ada ahli Umno belum mendapat gambaran jelas mengenai pindaan ini disebabkan tiada garis panduan khusus dikeluarkan mengenainya?**

Mungkin juga, tapi nak kata langsung tidak ada, tidak juga. Pasal kita faham tujuannya itu. Tapi, tidak semestinya setiap cadangan itu diterima. Kalau dia tidak boleh bertahan dengan pelbagai sudut yang kita lihat, cadangan itu tidaklah cukup konkrit.

# Ahli perlu utamakan perpaduan

BH 1 OCT 2000

DARI MUKA 12

## Apa isu yang popular dibangkitkan dalam cadangan pindaan setakat ini?

Salah satunya ialah mengenai sistem pemilihan. Ada juga yang menyentuh soal memperkukuhkan perkara asas, tujuan dan keahlian parti. Ada juga yang meminta supaya diberi peluang lebih ramai menjadi pemimpin. Itu agak popular. Kalau jawatan tertinggi 25, ada yang mencadangkan menjadi 30, bahagian sekarang ini 14, ada yang kata tambah lagi. Alasan yang digunakan kerana Umno sudah ramai ahli. Jadi, rasionalnya ada, tapi sama ada sesuai dengan waktu dan keadaan, kita perlu tentukan. Soal itu bagaimanapun tidak menyentuh soal prinsip.

## Bagaimana pula soal politik yang dikaitkan terlalu banyak, terutama ketika pemilihan?

Ada juga iaitu soal mengelakkan politik, tapi agak umum. Ada yang memberikan caranya, iaitu mencadangkan supaya tempoh pemilihan diselarikan dan kalau boleh diperpanjangkan sedikit. Apapun, niatnya jelas. Cuma, kita nak cari jalan bagaimana mengurangkan politik. Apakah sistem sekarang banyak sangat politik, ini perlu dihujah dengan jelas.

nan ada juga satu dua perkara yang akan menjadi perkara baru berdasarkan satu dua tinjauan yang kita terima setakat ini.

**Akhir sekali, apakah masa tidak sampai dua bulan ini mencukupi untuk melaksanakan pindaan sebelum dibawa dalam Perhimpunan Khas, November ini?**

Kita bukannya mahu membuat perlembagaan baru, cuma kita sentuh fasal-fasal saja. Cuma saya masih menunggu Puteri Umno saja.

Tapi, reaksi Wanita yang kita tahu mereka mahu menunggu saranan daripada ahli-ahlinya di peringkat bahagian di seluruh negara. Kalau Wanita mahu membawanya kepada saya atau terus kepada presiden, saya tidak kisah.

## Pemerhati politik berpendapat antara konflik Umno sekarang ialah usaha menarik penyertaan generasi muda. Adakah ini termasuk dalam agenda pindaan?

Saya beritahu kepada Exco Pergerakan Pemuda yang menjadi wakil dalam jawatankuasa pindaan ini. Saya tanya mereka, kenapa di peringkat awal exco Pemuda tidak mengusulkan apa-apa cadangan. Mereka kata dulu mereka ada mengemukakan yang membabitkan Aturan Pemuda. Tapi saya kata, sebagai orang muda, jangan lihat kepada Aturan Pemuda saja, tapi kena lihat juga perlembagaan Umno.

Sekarang kita membicarakan soal pentingnya Umno membuka pintu lebih luas kepada generasi muda, jadi wakil Pemuda harus lihat kepada perlembagaan induk. Jadi, ini mereka belum kemukakan kepada saya. Jadi, pada masa ini saya masih beri ruang kepada Exco Pemuda dan Wanita untuk kemukakan apa juga pandangan.

## Adakah ini disebabkan mereka rasa pindaan ini tidak penting?

Bagi saya, ia penting. Walaupun di peringkat ini saya fikir tidak ada sekatan, apa lagi di peringkat Pemuda untuk mengemukakan apa-apa cadangan. Di peringkat Wanita, misalnya sudah ada cadangan untuk mewujudkan Puteri Umno. Itupun dari segi format (penuhannya) saya sedang menunggu input daripada mereka. Walaupun di peringkat kami (jawatankuasa pindaan) sudah ada idea dan saya juga sudahpun berbincang dengan Presiden parti, tapi kita bagaimanapun masih mahu mereka (Wanita) memberi satu gambaran yang menyeluruh, apa aspirasi mereka tentang cadangan itu atau cara mana untuk melaksanakan keputusan yang dibuat oleh MT mengenai Puteri Umno itu.

## Tegasnya, pindaan perlembagaan kali ini membabitkan reformasi perlembagaan secara besar-besaran?

Terpulang kepada ahli sebenarnya. Kalau ahli melihat ada kepentingan untuk membuat rombakan lebih daripada biasa dan mereka fikir ia perlu, kita tengok apakah kehendak ahli Umno. Katakanlah sebagai contoh soal sistem pemilihan. Adakah kita mahu pastikan bahawa Umno demokratik seperti kepemimpinan tertinggi tidak hanya ditentukan oleh sekadar 2,000 perwakilan saja, tetapi membabitkan jumlah yang lebih ramai iaitu akar umbi.

Sama ada ia diterima MT, itu saya tidak tahu. Tapi kita kena kaji cadangan ini lebih mendalam lagi. Atau ada yang nak cadang pemilihan dibuat dalam tempoh tiga tahun sekali. Atau ada yang tanya sama ada boleh pemilihan dibuat selepas pilihan raya umum, supaya tidak ada pertarungan hebat untuk menjadi calon atau menjawab jawatan Yang Berhormat dan sebagainya. Jadi kemungki-